



**MAJLIS
PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU**
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2018-2019

**PROGRAM
PASCASISWAZAH & PRASISWAZAH**

23 Mac 2019 (Sabtu)
Pusat Siswazah
Bangunan Tun Fatimah Hashim
UKM, Bangi

Aturcara Majlis

- 8.30 pagi : Pendaftaran pelajar
- 10.00 pagi : Pelajar masuk ke dewan
- 10.20 pagi : Ketibaan Pro Naib Canselor
(Strategi dan Pembangunan Korporat)
- 10.30 pagi : Majlis Alu-aluan
Nyanyian Negaraku, Varsiti Kita dan
Ilmu,Mutu dan Budi
Bacaan Doa
Ucapan Alu-aluan Pro Naib Canselor
(Strategi dan Pembangunan Korporat)
- 11.00 pagi : Taklimat oleh Perpustakaan Tun Seri Lanang
- 11.15 pagi : Taklimat oleh Pusat Kembangan Pendidikan
- 12.00 t/hari : Taklimat Program

Tempat Taklimat :-

Sarjana Pengajian Islam - **Bilik Kuliah 7**
Sarjana Pengurusan Keselamatan Industri - **Bilik Kuliah 8**
Sarjana Sains Peningkatan Kualiti dan Produktiviti - **Bilik Kuliah 3**
Sarjana Keusahawanan & Inovasi - **Bilik Kuliah 2**
Sarjana Kejuruteraan - **Bilik Mesyuarat Utama, PKP**
Sarjana Pendidikan - **Dewan Kuliah Utama**

** Permohonan pelekat kenderaan : <https://ewarga.ukm.my/trafik/>

** Edaran buku **Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Muda Perakaunan** bermula pada jam 8.30 pagi hingga 12.00 t/hari di Kaunter Bahan Bacaan, Bilik Seminar

Lagu

Varsiti Kita

Lihat kampusku yang tenang
Damainya Alam ciptaan Tuhan
Paduan Ilmu dan Keimanan
Amal dan jerih digabungkan

Lautan Ilmu kita harumkan
Sumber Ilmuan berkembang

Inilah Varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita

Bangun berbakti membela
Memupuk Insan jiwa bertakwa
Memimpin manusia semua
Kenal akan adat unggulnya

Membina Negara sentiasa
Maju berilmu dan bahagia

* **Korus**

Gubahan : Nazri Ahmad

Ilmu, Mutu dan Budi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah harga diri
Hidup siswa siswi
Harapan ibu pertiwi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah pelita hati
Asas pembina peribadi
Untuk menabur bakti

Itulah pegangan hidup kami
Sumber kekuatan rohani
Mutiara peradaban asli
Titian hidup abadi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah pusaka sejati
Menuju cita-cita murni
Semoga Tuhan memberkati

Komposer : Zubir Ali
Lirik : Hj.Salleh Hj. Yusof

Soalan Lazim Kewangan

KADAR YURAN

- 1) Kenapa terdapat perbezaan di antara caj invoice kolej dengan caj di Portal eKewangan?
Semakan boleh dibuat dengan UKP Jabatan Bendahari UKM (email: ukpbendahari@ukm.edu.my) dan pihak kolej terlibat bagi tujuan pelarasan caj.
- 1) Kenapa terdapat perbezaan di antara caj invoice kolej dengan caj di Portal eKewangan?
Semakan boleh dibuat dengan UKP Jabatan Bendahari UKM (email: ukpbendahari@ukm.edu.my) dan pihak kolej terlibat bagi tujuan pelarasan caj.

KAEDAH BAYARAN YURAN

- 1) Apakah kaedah bayaran yuran pengajian?
"Pelajar amat digalakkan membayar yuran melalui Bank Islam* :
i. Tunai di Kaunter Bank Islam dengan mengisi Slip Pembayaran Bil (bayar kepada Pusat Kembangan Pendidikan).
ii. Mesin ATM Bank Islam melalui menu Lain-lain (Pembayaran Bil / Yuran IPT).
iii. Mesin CDM Bank Islam melalui menu Lain-lain (Pembayaran Bil IPT).
iv. Perbankan internet di www.bankislam.biz melalui menu Bill Presentment (Universiti Kebangsaan Malaysia)

***bayaran melalui Bank Islam akan automatik dikemaskini dalam tempoh 3**

- 2) Bolehkah pelajar membuat bayaran secara tunai pada hari Sabtu dan Ahad?
Tidak. Bayaran di kaunter kewangan pada hari Sabtu dan Ahad hanya menerima bayaran melalui kad Debit / Kredit sahaja.
- 3) Kenapa bayaran yang dibuat di Bank Islam lambat dikemaskini?
Bayaran yang dibuat melalui Bank Islam akan dikemaskini dalam tempoh 3 hari bekerja.
- 4) Kenapa bayaran melalui Pindahan Wang Atas Talian ke Bank CIMB tidak dikemaskini?
Bayaran melalui Pindahan Wang Atas Talian ke Bank CIMB dikemaskini secara manual. Pelajar diwajibkan untuk email segera salinan slip bayaran ke accpkp@ukm.edu.my
- 5) Bagaimanakah cara membuat bayaran melalui KWSP?
Pengeluaran KWSP hanya boleh dibuat secara atas talian di <https://secure.kwsp.gov.my/member/member/login>

STATUS PELAJAR

- 1) Jika pelajar menangguhkan pengajian, bolehkah dia menuntut kembali yuran pengajian yang telah dibayar?
Tidak. Bayaran yang telah dibuat akan ditolak untuk yuran semester akan datang.
- 2) Adakah pelajar boleh menuntut kembali yuran pengajian yang telah dibayar sekiranya menarik diri daripada pengajian?
"Tidak. Yuran yang telah dibayar tidak akan dikembalikan kecuali:
i) pelajar menarik diri pada minggu pertama (1) hingga ketiga (3) pengkuliah, 75% daripada yuran pengajian akan dikembalikan.
ii) pelajar menarik diri pada minggu keempat (4) hingga keenam (6) pengkuliah, 50% daripada yuran pengajian akan dikembalikan.
iii) pelajar menarik diri pada minggu ketujuh (7) hingga kesepuluh (10) pengkuliah, 25% daripada yuran pengajian akan dikembalikan.

Namun begitu, pemulangan yuran tidak akan dibuat sekiranya pelajar masih mempunyai baki hutang dengan PKP."

Untuk maklumat lanjut berkaitan peraturan am kewangan pelajar bagi memudahkan semua urusan pelajar, mohon untuk rujuk :

Portal PKP >Pelajar Semasa>Kewangan>Peraturan Am Kewangan Pelajar
<http://www.ukm.my/pkp/wp-content/uploads/2019/03/PERATURAN-AM-KEWANGAN-PELAJAR-V3-140319.pdf>